

Nilai pelaburan \$23 bilion: PM

21 JUL 1990

KUALA LUMPUR, Ahad — Negara akan mencatatkan nilai pelaburan \$23 bilion dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, berbanding \$11 bilion sepanjang tahun lalu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berikutan itu, katanya, peluang pekerjaan semakin bertambah dan seterusnya akan dapat mengatasi masalah pengangguran di negara ini.

Beliau berkata, jumlah pelaburan itu meningkat hasil usaha kerajaan memberi pelbagai insentif kepada pelabur asing, termasuk tidak mengutip cukai pelaburan daripada mereka.

"Yang penting ialah mereka dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia dengan membuka lebih banyak kilang," katanya ketika berucap di padang Bandar Tun Razak, Cheras, dekat sini hari ini.

Menurutnya, syarikat *National Panasonic* menyediakan 12,000 pekerjaan, *Motorola* (10,000) manakala *Harris Solid State (M) Bhd* mempunyai 4,000 pekerjaan.

"Ia bukan saja menyediakan pekerjaan di peringkat pengeluaran, tetapi juga dalam bidang pengurusan," katanya.

Perdana Menteri juga menegaskan kerajaan sentiasa mempertahankan hak pekerja, khususnya membantu mereka mendapatkan pekerjaan supaya mereka dapat hidup selesa.

Katanya, Malaysia adalah antara negara yang mempunyai pertumbuhan ekonomi terbaik berikutan kejayaan kerajaan memulihkan kemelesetan ekonomi sejak 1985.

Sanggup

Beliau berkata, Amerika Syarikat mengalami pertumbuhan ekonomi hanya tiga peratus setahun, Eropah (3½ peratus), Taiwan (7 hingga 8 peratus) manakala di Korea Selatan, hampir setiap hari berlaku mogok.

"Tetapi kadar pertumbuhan di negara kita ialah daripada 6 peratus pada 1986 kepada 10.4 peratus dalam tempoh tiga bulan pertama ini," katanya.

Dalam ucapan itu juga, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan rancangan Semangat 46 untuk meletakkan Penasihat parti itu, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj bertanding di kawasan Parlimen Kubang Pasu dalam pilihanraya umum akan datang.

Perdana Menteri yang juga ahli parlimen kawasan itu, berkata Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah 'mengusung' Tunku Abdul Rahman ke Kubang Pasu untuk mempengaruhi penduduk berketurunan Thai yang ramai di situ, kerana Tunku juga berketurunan Thai.

"Orang seperti Tengku Razaleigh akan mempergunakan sesiapa saja untuk memenuhi kepentingan diri sendiri.

"Saya amat kecewa dengan sikap Tengku Razaleigh yang begitu mudah mempergunakan Tunku Abdul Rahman sehingga beliau sanggup membawa orang tua itu berkempen ke sana sini untuk mencari pengaruh.

"Bagi Tengku Razaleigh, beliau akan menerima sesiapa saja yang berguna kepadanya, tetapi jika suatu hari nanti orang itu dilihatnya tidak lagi mempunyai sebarang kegunaan, beliau akan membuang orang itu.

"Begitulah yang dilakukannya kepada Umno, yang sudah memberikan jawatan tinggi kepadanya dalam kerajaan. Tetapi, apabila beliau kecewa tidak dapat sesuatu daripada Umno, beliau rosakkan Umno," katanya.